



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)**

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Division of Co-Curricular and Arts
Aras 3, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel. : + 603-8872 1610
Faks (Fax) : + 603-8872 1608
Portal : www.moe.gov.my
(Website)

Rujukan Kami : KPM.600.14/1/20 JLD17(74)
Tarikh : 9 Januari 2018
21 Rabiulakhir 1439 H

**Pengarah Urusan
SMO Education Group**

27A, Jalan SS15/2A,
47500 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN PERTANDINGAN TAHUNAN *MATHEMATIC OLYMPIAD* DI
BAWAH *SMO EDUCATION GROUP* BAGI TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan, bertarikh 06 November 2017 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian telah menerima permohonan daripada pihak tuan untuk pengiktirafan program - program Tahunan *Mathematic Olympiad* di bawah *SMO Education Group* tersebut yang telah diadakan seperti maklumat berikut :

JADUAL PELAKSANAAN 2017

| BIL | NAMA PROGRAM | TARIKH | TEMPAT |
|-----|--|------------------|---|
| 1 | <i>Singapore & Asian Schools Math Olympiad (SASMO)</i> | 5 April 2017 | Di sekolah rendah dan menengah |
| 2 | <i>Singapore International Mathematical Olympiad Challenge (SIMOC)</i> | 14-16 Julai 2017 | Sekolah dan <i>Canadian International School, Singapore</i> |
| 3 | <i>Asia International Mathematical Olympiad (AIMO)</i> | 3-5 Ogos 2017 | University Malaysia & Wisma Huazong |
| 4 | <i>International Junior Math Olympiad (IJMO)</i> | 11-14 Ogos 2017 | <i>Zaman International School, Cambodia</i> |
| 5 | <i>American Mathematics Olympiad (AMO)</i> | 10 Oktober 2017 | Di sekolah rendah dan menengah |

3. Sehubungan dengan itu, setelah meneliti permohonan yang dihantar kepada kami, Bahagian ini memutuskan Program *Singapore & Asian Schools Math Olympiad (SASMO)* dan *American Mathematics Olympiad (AMO)* adalah diiktiraf sebagai **program kokurikulum peringkat sekolah (sijil penyertaan peringkat sekolah)** manakala murid yang mendapat **pingat emas, perak dan gangsa** diiktiraf dengan **sijil pencapaian peringkat sekolah**. Manakala mereka yang pergi **mewakili negara** untuk program *Singapore International Mathematical Olympiad Challenge (SIMOC)*, *Asia International Mathematical Olympiad (AIMO)* dan *International Junior Math Olympiad (IJMO)* diiktiraf dengan sijil penyertaan **peringkat antarabangsa** dan sekiranya mereka **mendapat tempat di peringkat antarabangsa** mereka diiktiraf dengan **sijil pencapaian peringkat antarabangsa**.


Sekian, terima kasih.

'SEHATI SEJIWA'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM'

Saya yang menurut perintah,



(ROZAIMUM BINTI AHMAD)

Pengarah

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan)
2. Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri